

Headline	167 PKS sertai CAEXPO 2019		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	82,252
Page No	26	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	313 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,404
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,212



167 PKS sertai CAEXPO 2019

Penyertaan tingkat akses ke China, negara di sepanjang laluan BRI

Ekspo ASEAN-China Ke-16 (CAEXPO) 2019, akan menyaksikan 167 pengusaha kecil dan se derhana (PKS) Malaysia memamerkan produk dan perkhidmatan mereka.

Acara itu akan diadakan di Nanning, China, dari 21 hingga 24 September ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ig natius Darel Leiking, dijangka mengetuai delegasi ke ekspo itu.

Penyertaan itu bertujuan untuk

meningkatkan akses syarikat Malaysia bukan hanya China, malah ASEAN dan negara lain, yang ter letak di sepanjang laluan Inisiatif Jalur dan Jalan (BRI).

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Datuk Wan Latiff Wan Musa, ber kata selama beberapa tahun, agensi itu berjaya membantu lebih daripada 1,700 pembabitan PKS Malaysia pada CAEXPO.

"Kami perhatikan, selain meningkatkan hubungan perdagangan, acara itu juga membantu menggalakkan aliran pelaburan dan pelancongan antara China dan Malaysia.

"Kami sangat agresif dalam mempromosikan eksport Malaysia ke China menerusi lima pejabat di pasaran sana. Sejak dua dekad lalu, pesuruhjaya perdagangan kita juga mengumpulkan

pangkalan data pembeli dan rakan kongsi yang besar, yang boleh dipadankan dengan PKS tempatan," tambahnya.

Beliau berkata, MATRADE juga akan mengadakan beberapa sesi padanan perniagaan dengan kerjasama Bank Pembinaan China.

"Sesi ini akan meningkatkan prospek syarikat tempatan mendapatkan tawaran eksport dengan pembeli di China," kata agensi itu.

China adalah rakan dagang terbesar Malaysia sejak 2009 dan ia pasaran utama bagi kebanyakan PKS Malaysia.

Selama beberapa tahun, balai pameran Malaysia pada CAEXPO antara yang paling banyak dikunjungi kerana pengguna China mengenali jenama tempatan yang berkualiti tinggi.

Antara sektor yang akan dipromosikan pada CAEXPO 2019 ter



Kami agresif promosi eksport Malaysia ke China menerusi lima pejabat di pasaran sana.

**Wan Latiff Wan Musa,
Ketua Pegawai
Eksekutif MATRADE**

masuk makanan dan minuman, kesihatan dan kesejahteraan, ga ya hidup serta perkhidmatan seperti francils.

Tahun lalu, syarikat Malaysia menjana jualan sebanyak RM639.66 juta, peningkatan kir a-kira 58 peratus berbanding RM405.5 juta pada 2017.

Balai pameran Malaysia merangkul dua anugerah tahun lalu iaitu Pengajur Industri Terbaik dan Pengajur Cemerlang.

Tahun ini, dijangka 12 kementerian dan agensi kerajaan akan mengambil bahagian pada CAEXPO.

Ia termasuk Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Invest Selangor Bhd; Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya; Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd. BERNAMA